



Kebebasan Beragama dalam Konteks Malaysia

Zakaria Stapa (Profesor Emeritus)

Pengerusi Majlis Usuluddin Malaysia

Sehubungan dengan kedudukan dan pengiktirafan terhadap aliran Ahli Sunah Waljamaah oleh Perlembagaan Persekutuan, maka secara yang tidak dapat dielakkan muncul persoalan tentang kebebasan beragama di Malaysia. Hal ini berkaitan langsung dengan peruntukan khusus dalam perkara tertentu yang diberikan oleh perlembagaan kepada agama Islam aliran Ahli Sunah Waljamaah sebagai agama bagi Persekutuan. Oleh itu, muncul asakan daripada beberapa pihak tertentu yang menghujahkan bahawa kebebasan beragama tidak berlaku di Malaysia yang menurut mereka mencabar hak asasi manusia. Asakan dan desakan tersebut dikumandangkan hingga ke peringkat antarabangsa seperti yang dilakukan oleh Coalition of Malaysian NGO'S (COMANGO). Adakah hal tersebut benar atau sebenarnya tertakluk pada tafsiran berdasarkan perspektif tertentu, atau hanya kebebasan mutlak yang tidak berlaku?





Terdapat tiga aspek yang perlu diberikan perhatian apabila membincangkan isu kebebasan beragama, iaitu hak menganut, mengamalkan dan mengajarkan agama berkenaan. Menurut P. M. Taylor, seperti yang tercatat dalam buku beliau, *Freedom of Religion*, di bawah komponen pengajaran agama, wujud hak penyebaran agama atau dakwah kepada individu dan kelompok lain. Kebebasan beragama merupakan suatu hal yang dijamin oleh Perkara 18 *Universal Declaration of Human Rights* (Deklarasi Hak Asasi Manusia Antarabangsa) dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Walaupun Islam agama Persekutuan seperti yang dinyatakan dalam Perkara (3) Perlembagaan Persekutuan, namun berdasarkan peruntukan perlembagaan tersebut, setiap orang bebas untuk memilih apa-apa mazhab, ajaran dan ideologi dalam Islam. Tiada peruntukan undang-undang yang menghalang seseorang itu berbuat sedemikian, melainkan apabila mazhab dan ajaran tersebut diisytiharkan sebagai ajaran sesat. Perlu diketahui bahawa terdapat perbezaan antara ajaran Islam yang benar (Ahli Sunah Waljamaah) dengan kumpulan minoriti ajaran yang dikategorikan sebagai ajaran sesat, serta kumpulan minoriti ajaran yang masih Muslim, tetapi tidak berpegang dengan mazhab Ahli Sunah Waljamaah.


Di Malaysia, terdapat sekatan perundangan terhadap aktiviti penyebaran agama kepada orang Islam. A. Harding, seperti yang tercatat dalam tulisan beliau, *Law, Government and the Constitution*, menyatakan bahawa Perkara 11 secara jelas menggariskan perbezaan antara mengamalkan agama dengan menyebarkan agama. Perkara 11 ini jugalah yang menggambarkan konsep kebebasan beragama di Malaysia tidak bersifat mutlak dan bersyarat seperti yang telah dilakukan di Barat. Hal ini bermakna kebebasan beragama di Malaysia tidak meliputi semua bentuk dan aktiviti keagamaan. Menurut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, kebebasan beragama tertakluk di bawah Fasal 4: 'Undang-undang Negeri serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Undang-undang persekutuan mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa jua doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganut agama Islam'. Di samping itu, Perkara 11 ini hanya memberikan kebebasan untuk menganut apa-apa kepercayaan, kefahaman dan agama, tetapi tidak boleh menyebarkan sebarang mazhab dan ajaran yang

bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah kepada orang Islam. Hal ini bermakna sebarang penyebaran agama selain Islam mazhab Ahli Sunah Waljamaah dilarang. Sekatan ini meliputi ajaran dan mazhab yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah.

Memandangkan peruntukan perlembagaan bersifat umum, oleh itu wajar hal tersebut dijelaskan sebagai umum merangkumi semua jenis agama, mazhab atau ajaran dalam sesuatu agama. Dalam sebuah tulisan yang lain, iaitu *The Kris, The Crescent and the Blind Goddess*, A. Harding menyatakan bahawa peruntukan Perkara 11 (4) turut melibatkan mana-mana individu Muslim atau tidak, agama selain Islam ataupun kumpulan dalam Islam itu sendiri. Selain itu, Perkara 11 (5) menyebut bahawa apa-apa jua agama, kepercayaan, ajaran dan iktikad yang boleh mengancam keselamatan awam, kesihatan dan moral tidak boleh diamalkan di Malaysia, dan boleh dianggap sebagai satu kesalahan, serta dikenakan tindakan undang-undang.

Dalam satu temu bual, Nasir Disa menyatakan bahawa kawalan perundangan terhadap kebebasan menyebarkan agama perlu dalam konteks Malaysia. Hakim Raja Azlan Shah dalam kes *Prosecutor lawan Ooi Kee Saik* (Perlembagaan Persekutuan 1995) menyatakan seperti berikut: "Tidak boleh terdapat keadaan membenarkan kebebasan mutlak atau tanpa kawalan yang keseluruhannya bebas daripada sekatan; kerana akan menjurus kepada kacau-bilau. Pemilikan semua hak tertakluk kepada syarat yang munasabah yang dianggap sebagai penting kepada keselamatan, kesihatan, keamanan dan ketenteraman awam dan moral masyarakat. Perkara yang cuba dilakukan oleh perlembagaan dalam mengisytiharkan hak rakyat ialah mengimbangkan antara kemerdekaan individu dengan kawalan sosial."

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa sekatan kebebasan beragama tidak menyentuh soal anutan dan amalan, tetapi hanya menghalang sebarang aktiviti penyebaran terhadap orang Islam sahaja. Jika ajaran, ideologi dan mazhab itu disebarkan kepada orang bukan Islam, maka tindakan undang-undang tidak boleh diambil. Menurut M. Kirby, seperti tercatat dalam sebuah artikel beliau, "Fundamental Human Rights and Religious Apostasy", sekatan beragama adalah suatu hal yang sah. Perkara ini tercatat dalam Konvensyen Antarabangsa Tentang Hak Sivil dan Politik 1976 (*International Covenant on Civil and*



Setiap orang bebas menganut apa-apa kefaithman atau agama, tetapi dilarang menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah kepada orang Islam.

Political Rights - ICCPR): "Article 18 (3): Freedom to manifest one's religion or beliefs may be subject only to such limitations as are prescribed by law and are necessary to protect public safety, order, health or morals or the fundamental rights and freedoms of others."

Walaupun peruntukan Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan selari dengan ICCPR, namun Malaysia tidak menandatangani ICCPR. Oleh itu, peruntukan perundangan yang menghalang penyebaran agama kepada Muslim tidak dianggap sebagai ketidakpatuhan kepada konvensyen tersebut. Selain itu, sekiranya terdapat penyebaran agama bukan Islam kepada Muslim dan juga kawalan negeri terhadap dakwah dalam ajaran Islam, hal tersebut adalah bertujuan untuk mengekalkan kestabilan masyarakat.

Walaupun peruntukan ini dilihat bermasalah kerana bercanggah dengan konsep kebebasan beragama, namun tujuan peruntukan ini adalah untuk mengekalkan kestabilan masyarakat di Malaysia yang begitu sensitif dengan penyebaran agama lain ataupun mazhab selain Ahli Sunah Waljamaah yang berpotensi untuk menjejaskan keselamatan negara dan keharmonian kaum. Sebagai contoh, kes pengharaman kumpulan al-Arqam yang difatwakan sebagai terkeluar daripada mazhab Ahli Sunah Waljamaah. Pengikut al-Arqam telah ditahan dua kali di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1994 dan 1996 kerana menjejaskan keselamatan negara. Hal ini bermakna bahawa seseorang atau sesebuah kumpulan dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk mengamalkan tuntutan agama, tertakluk sehingga ke had batasan bahawa dalaman itu tidak boleh menjejaskan keselamatan awam.

Di samping itu, Coalition of Malaysian NGO'S (COMANGO), iaitu gabungan NGO liberal dan anti-Islam Malaysia menghantar laporan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk melobi negara dunia supaya menekan Malaysia agar menerima tuntutan mereka, iaitu:

- ▶ Kebebasan untuk murtad.
- ▶ Menghalalkan seks songsang (LGBT).
- ▶ Menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu.
- ▶ Memaksa tafsiran perkauman menurut sekular liberal Barat.
- ▶ Menghapuskan kesalahan jenayah syariah.
- ▶ Menuntut penterjemahan "God" kepada Allah oleh Kristian Katolik di Malaysia.
- ▶ Menuntut kebebasan beragama bagi ajaran sesat, juga Syiah di Malaysia.
- ▶ Menuntut agar mana-mana ibu bapa yang memeluk Islam tidak diberikan hak penjagaan anak.

Berkaitan dengan isu ini, terdapat beberapa peruntukan hak asasi manusia yang perlu ditandatangani oleh setiap negara. Satu konvensyen telah diadakan di Geneva pada tahun 2013 bertujuan untuk menandatangani Deklarasi Hak Asasi Manusia yang diwakili oleh setiap negara, termasuk Malaysia. Cadangan menandatangani deklarasi mendapat tentangan hebat daripada negara OIC di seluruh dunia. Isu yang dibawa oleh COMANGO ini berakarkan faithman liberal dan sekular bertujuan untuk merosakkan akidah masyarakat Islam. Isunya apabila terhadap sesebuah negara menandatangani Deklarasi Hak Asasi Manusia yang terdiri daripada beberapa fasal hak asasi manusia, perkara tersebut akan membawa kerosakan terhadap sesebuah negara. Hal ini dikatakan demikian kerana fasal-



fasal yang terdapat dalam deklarasi bertentangan dengan fitrah manusia. Dalam hal yang berkaitan, COMANGO mengambil kesempatan mengemukakan perkara berikut:

- ▶ Mempromosikan hak-hak manusia.
- ▶ Mengasingkan agama daripada masyarakat.
- ▶ Politik berkembang bebas daripada agama.

Seterusnya, perlu difahami bahawa kebebasan beragama mempunyai dua jenis, iaitu *forum internum* dan *forum externum*. *Forum internum* bermaksud kebebasan untuk menganut dan bersifat mutlak dan dijamin oleh semua perlembagaan dan konvensyen antarabangsa. *Forum externum* pula ialah amalan atau manifestasi agama yang melibatkan pihak lain di tempat awam. B. G. Scharffs dalam sebuah artikel beliau, "The Freedom of Religion and Belief" yang terbit dalam sebuah jurnal pada tahun 2011 pula menyatakan *forum externum* merangkumi semua bentuk ibadat, pengajaran, penyebaran dan amalan agama. Aktiviti penyebaran agama termasuklah menyediakan bahan bertulis dan bercetak untuk tujuan dakwah. *Forum externum* merupakan hak yang tidak diberikan sepenuhnya, malah pihak kerajaan atau badan perundangan boleh membuat sekatan tertentu.

Oleh itu, apa-apa manifestasi agama adalah tertakluk kepada mana-mana perundangan yang boleh disekat. Sebarang penyebaran dan pengajaran agama kepada individu atau kumpulan di mana-mana tempat sama ada di rumah ibadat, sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) dan rumah perlulah mengikut lunas undang-undang yang wujud di sesebuah negara.

Selain itu, sekatan boleh dibuat berasaskan justifikasi untuk menjaga keselamatan awam, moral, kesihatan, dan lain-lain. Menurut Brems dalam sebuah tulisan beliau yang terbit pada tahun 2006 yang mencatatkan bahawa undang-undang sekatan itu mestilah benar-benar boleh bertindak sebagai pelindung kepada semua perkara yang disebut keselamatan awam, moral dan kesihatan. Oleh itu, perundangan terbukti sebagai suatu hal yang perlu. Sehubungan dengan itu, berdasarkan hujah ini sekatan undang-undang terhadap penyebaran ideologi dan ajaran kumpulan Muslim minoriti adalah sah, dan merupakan amalan yang diterima oleh masyarakat antarabangsa. Jika diteliti pada semua konvensyen antarabangsa berkenaan hak kebebasan beragama, semuanya memberikan

“Apa-apa manifestasi agama adalah tertakluk kepada mana-mana perundangan yang boleh disekat. Sebarang penyebaran dan pengajaran agama kepada individu atau kumpulan di mana-mana tempat sama ada di rumah ibadat, sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) dan rumah perlulah mengikut lunas undang-undang yang wujud di sesebuah negara.”

kebebasan beragama kepada setiap individu (*forum internum*) tetapi membenarkan undang-undang untuk menyekat mana-mana bentuk manifestasi (*forum externum*) yang menjejaskan keselamatan awam, moral dan kesihatan, serta hak asasi yang lain.

Jelasnya, apa-apa yang diamalkan dalam perundangan di Malaysia tidak bercanggah dengan konvensyen antarabangsa berkenaan hak kebebasan beragama kerana amalan di Malaysia termasuk di bawah *forum externum* seperti yang dimaksudkan oleh konvensyen, di samping praktis Malaysia tersebut sesuai pula dengan peruntukan yang terdapat dalam International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) seperti tercatat sebelum ini. Perkara yang menjadi kebimbangan pendukung sekularisme ialah bahawa amalan ini akan mencambahkan trend Islamisasi dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Implikasi sedemikian yang begitu ditakuti oleh para pendukung sekularisme yang berterusan berhujah bahawa Islam, dalam konteks negara Malaysia, hanyalah agama ritual, bukannya cara hidup yang syumul. Malaysia secara sahnyanya merupakan sebuah negara yang turut mengamalkan kebebasan beragama. DTI